

# FPSK UMS rai anak yatim dalam Ziarah Ramadan

VB 30.5.2019 A9

RANAU: Jabatan Kejururawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dijemput oleh Persatuan Dusun Islam Sabah (PDIS) dan Hyperwave Systems Engineering Sdn Bhd untuk acara Ziarah Ramadan bersama kanak-kanak Rumah Anak Yatim & Asnaf Kg Langsat dan Kg Silad, di sini.

Acara itu telah diadakan di Kinomulok Garden yang dihadiri oleh Pensyarah Kejururawatan Patricia Sator dan Rohani Mamat serta wakil dari UMS Nursing Students Association (NUSA).

Majlis bertujuan meraikan kanak-kanak rumah anak yatim (RAY) untuk persiapan Hari Raya yang akan menjelang tiba.

Antara aktiviti pendidikan yang telah dijalankan ialah pemeriksaan indeks jisim badan (BMI) dan tekanan darah, penilaian fizikal dan penyampaian pendidikan kesihatan serta demonstrasi mencuci tangan dengan cara yang betul kepada 45 kanak-kanak berumur dari 5 sehingga 18 tahun.

Buat julung kalinya, Jabatan Kejururawatan FPSK UMS terlibat dengan acara murni bersama kanak-kanak yatim dan asnaf RAY Ranau.

Bersesuaian dengan tahun ini,



PEMERIKSAAN tekanan darah oleh pelajar kejururawatan UMS.

di mana UMS meraikan ulang tahun ke 25 penubuhannya, Jabatan Kejururawatan FPSK mahu membawa imej baik UMS kepada masyarakat sama ada jauh ataupun dekat.

Acara itu diharap dapat diteruskan setiap tahun dengan sokongan dan restu daripada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin.

Wakil PDIS Patriot @ Sulaiman M Sabri memberi penghargaan kepada Jabatan Kejururawatan FPSK atas kerjasama yang diberikan.

"Kami amat bersyukur dan berterima kasih kepada

Jabatan Kejururawatan FPSK kerana membawa keriangan kepada kanak-kanak RAY. Kami berharap UMS akan terus memberikan sokongan kepada acara yang dianjurkan oleh PDIS dan Hyperwave Systems Engineering pada masa-masa akan datang," katanya.

Kanak-kanak RAY turut mempersembahkan nasyid diikuti dengan penyampaian hadiah Hari Raya yang terdiri daripada baju raya telah diukur khas, duit raya dan kdrayayang ditaja oleh Hyperwave Systems Engineering sebelum majlis berbuka puasa dijalankan.

Sementara itu, Patricia berkata bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk melaksanakan program CSR merupakan satu peluang yang baik untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat yang memerlukan yang mana mungkin terhad dengan sumber yang ada.

Ia juga merupakan jaringan yang baik untuk meneruskan program yang murni sejajar dengan objektif FPSK UMS untuk lebih dikenali melalui aktiviti temu seru kemasyarakatan.

"Pada masa sama, program seperti ini dapat memberi pendedahan kepada pelatih kejururawatan bagaimana cara berkomunikasi dan bekerja dengan lebih baik terutama dengan kanak-kanak yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan usia.

"Selain itu, ia dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pelatih kejururawatan dengan penglibatan dan pengalaman mereka dalam aktiviti temu seru kemasyarakatan," katanya.



DEMONSTRASI mencuci tangan dengan cara yang betul bersama warga RAY.



WARGA RAY merakam gambar kenangan bersama pengajur program.